

(28 Mac 2021) Sinar Ahad, p.13

1,199 kes baharu positif Covid-19

Dua kematian direkodkan, 161 sedang dirawat di ICU

KUALA LUMPUR

Kes baharu harian Covid-19 berada di bawah angka 2,000 untuk tiga minggu berturut-turut dengan 1,199 kes selain dua kematian direkodkan pada Sabtu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dalam tempoh 24 jam itu juga, 1,257 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kes aktif kini ialah 14,209 kes.

“Daripada jumlah kes baharu hari ini (Sabtu), 1,194 adalah penularan tempatan manakala lima kes import, selain 161 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 70 individu memerlukan alat bantuan per-

nafasan,” katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 pada Sabtu.

Selangor mencatat kes harian tertinggi dengan 283 kes diikuti Sarawak (267), Kelantan (138), Pulau Pinang (125), Kuala Lumpur (84), Johor (81), Sabah (64), Negeri Sembilan (43), Melaka (36), Kedah (33), Pahang (30), Perak (sembilan), Terengganu (tiga), Labuan (dua) dan Putrajaya (satu) manakala tiada kes dilaporkan di Perlis.



DR NOOR HISHAM

Dr Noor Hisham memaklumkan dua kematian yang dilaporkan membabitkan seorang lelaki warga-negara dan seorang lelaki bukan warga-negara masing-masing berusia 60 dan 52 tahun dengan latar belakang penyakit kronik.

Selain itu, beliau berkata, terdapat sembilan lagi kluster dikesan pada Sabtu melibatkan lima kluster di tempat kerja dan empat kluster komuniti.

“Kluster di tempat kerja melibatkan Kluster Inanam Taipan dan Kluster Jalan

Kastam Baru di Sabah; Kluster Jalan Kong Kong (Johor); Kluster Tapak Bina Bulatan Pandan (Kuala Lumpur); serta Kluster Jalan Putra Square (Pahang).


“Sementara kluster komuniti pula ialah Kluster Jalan Gridbid, Kluster Kampung Baru Hilir dan Kluster Jalan Tanjung Kidurong di Sarawak serta Kluster Gong Kulim di Kelantan.

“Pertambahan kluster baharu menjadikan jumlah kluster di Malaysia sebanyak 1,344 dengan 392 daripadanya masih aktif manakala 10 kluster diisytiharkan tamat hari ini (Sabtu),” kata beliau. - Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 27 Mac 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 339,443 kes kepada 340,642 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
340,642	325,182	167	1,251	+1,199	551,548

